

28 NOV 1997

PEMBUAT KOMPONEN AUTOMOTIF BERRKONGSI DENGAN METRO DENSO JEPUN

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Dua buah syarikat Malaysia, Premier Choice Sdn Bhd dan Usra Tampi Sdn Bhd, dan Metro Denso Co Ltd, Jepun hari ini menandatangani perjanjian usaha sama untuk sebuah syarikat baru mereka bentuk, mengeluarkan dan memasarkan alat-alat elektrik automotif, khususnya suis dan lampu gabungan, suis pengesat dan pemanas.

Usra Tampi akan memiliki 51 peratus ekuiti di dalam syarikat baru itu, Metrodenso (M) Sdn Bhd. Premier Choice akan memegang sembilan peratus dan firma Jepun itu 40 peratus.

perjanjian itu, yang dimeterai di Tokyo, telah disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, satu kenyataan yang dikeluarkan di sini oleh Premier Choice berkata hari ini.

Pengerusi Premier Choice, Datuk Wira Mohd Saleh Sulong, berkata di dalam ucapan beliau pada upacara itu bahawa pengeluaran Metrodenso boleh diterjemahkan menjadi kira-kira RM14.0 juta penjimatan ke atas import unit-unit atau komponen-komponen dipasang sepenuhnya.

Syarikat itu, katanya, menawarkan syarikat-syarikat automotif Malaysia peluang untuk meningkatkan lagi kandungan tempatan kenderaan-kenderaan mereka.

Premier Choice, bermula pada 1995 sebagai sebuah konsortium 12 syarikat tekemuka Malaysia, mempunyai matlamat mengujudkan usaha sama-usaha sama dengan pihak-pihak asing dalam bidang jitu tinggi, kejuruteraan berteknologi tinggi.

Satu usaha seumpamanya, Teknologi Rodewald-Flushoh (M) Sdn Bhd, dengan syarikat Jerman, mengeluarkan perkakas dan tuangan untuk alat-alat logam.

Usra Tampi, syarikat milik penuh bumiputera dengan sijil ISO 9002 dimiliki USRA Sdn Bhd, adalah satu lagi pembuat komponen automotif dalam peracuan injeksi teknologi tinggi termoplastik dan elastomer.

Metro Denso, ditubuhkan pada 1953, terutamanya terbabit dalam reka bentuk, membuat dan memasarkan alat-alat elektrik automotif.

Beribu pejabat di Kawasaki, Kanagawa, ia mempunyai dua kilang di Jepun, yang mengeluarkan 600,000 unit suis kombinasi setiap tahun. -- BERNAMA

RIZ LSH OS